

# Peatgro bantu suburkan tanah

Mengandungi 100 peratus bahan organik berbanding lima peratus daripada jenama berlainan



NADIBIZ

Oleh Zainab Mohd Yatim  
zmy@bharian.com.my

**M**ASA yang terhad dan kesibukan dengan tugas rutin harian sering dijadikan 'alasan' oleh masyarakat hari ini khususnya yang tinggal di kawasan bandar, untuk melaksanakan aktiviti berkaitan pertanian sama ada menanam pokok bunga, sayuran mahupun buah.

Namun, menerusi tanah gambut diproses yang ditawarkan oleh Peat Organic (M) Sdn Bhd, alasan ketiadaan atau kesuntukan masa tidak lagi relevan untuk seseorang bercucuk tanam secara kecil-kecilan di persekitaran kediaman mereka.

Ini disebabkan tanah gambut diproses yang ditawarkan menerusi jenama Peatgro, mengandungi 100 peratus bahan organik, berbanding antara lima peratus bahan organik dalam tanah 'top soil' yang banyak dijual di pasaran.

Tanah gambut hitam itu boleh membantu menyuburkan tanah untuk memastikan kesuburan tanah lebih lama, dengan penggunaan

baja yang kurang dan tanpa perlu penjagaan terlalu teliti. Peatgro yang dijual di pusat samaian, dihasilkan menerusi pemprosesan di tapak asal, menggunakan teknologi dari Finland.

Pengasas dan Pengarah Urusan Peat Organic, Zulkufli Zakaria, berkata syarikat itu kini mengusahakan 4.8 hektar tanah yang digunakan untuk memproses tanah gambut di Berjuntai Bestari (dulu Batang Berjuntai) yang juga bekas tanah paya.

Berdasarkan saiz berkenaan dan potensi besar dalam bidang berkenaan, beliau yakin Malaysia mampu menjadi pengeluar tanah gambut terbesar dunia satu hari nanti, sekali gus mendorongnya menceburi bidang penghasilan tanah gambut berkenaan secara besar-besaran.

Setakat ini, Peat Organic, yang beroperasi di bangunan sendiri di Bandar Baru Selayang, sudah melabur hampir RM1.5 juta untuk membesarkan syarikat, termasuk membaik pulih mesin pemprosesan lama yang diambil alih daripada Peat Tech (M) Sdn Bhd, syarikat yang pernah terbabit dalam bidang penghasilan tanah gambut.

Bapa kepada dua orang

anak berusia tujuh dan setahun ini, mengambil alih syarikat berkenaan daripada seorang usahawan Cina, yang menjalankan usaha sama menghasilkan tanah gambut secara usaha sama dengan syarikat dari Finland, Vapo Oy, sebelum menukar nama syarikat berkenaan kepada Peat Organic.

Mengimbas kembali perjalanan hidupnya, bekas pelajar Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia) dalam jurusan Diploma Sains Pertanian, itu berkata kehidupannya sejak kecil sentiasa berdamping dengan alam semula jadi, walaupun bukan berasal dari kampung yang jauh di pedalaman.

Berasal dari Nilai, Negeri Sembilan dan dibesarkan bersama empat adik beradik lain, Zulkufli sejak kecil biasa makan sayuran ditanam sendiri dan ikan yang dipancing di sungai untuk hidangan tengah hari atau makan malam.

Menyifatkan zaman kanak-kanaknya sebagai 'begitu sukar', jauh daripada kemewahan wang ringgit untuk membeli keperluan harian, lebih-lebih lagi apabila bapa lumpuh selepas diserang angin ahmar ketika beliau berusia 10 tahun.

Ibunya banyak menggalas tanggungjawab membesarkan adik beradik Zulkufli dan dengan wang RM180 sebulan yang diperoleh bekerja sambil di estet buah-buahan milik Sime Darby Bhd, selain bantuan Jabatan Kebajikan sebanyak RM50 sebulan digunakan untuk menampung keperluan harian.

"Zaman kecil kami hidup susah. Keperluan harian dipenuhi ala kadar, namun pengalaman itu tidak pernah dikesalkan kerana ia juga menjadikan kami empat adik beradik begitu tabah dan berazam mengubah kehidupan keluarga untuk menjadi lebih sempurna," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Walaupun bapanya tidak sempat merasa kesenangan yang diraihnya kerana meninggal sejak beliau di bangku sekolah lagi, Zulkufli tetap puas kerana sempat membalas jasa ibunya yang meninggal beberapa tahun lalu.

Selain mengendalikan Peat Organic, Zulkufli yang menjadi usahawan sejak 1997 menerusi syarikat penyelenggaraan bangunan. Projek utama ketika ini menyelenggara seluruh bangunan berkembar Petronas, mahu memastikan jenama Peatgro

“Zaman kecil kami hidup susah. Keperluan harian dipenuhi ala kadar, namun pengalaman itu tidak pernah dikesalkan kerana ia juga menjadikan kami empat adik beradik begitu tabah dan berazam mengubah kehidupan keluarga untuk menjadi lebih sempurna”

**Zulkufli Zakaria**

Pengasas dan Pengarah  
Urusan Peat Organic



ZULKUFLI bersama-sama dengan pekerja beliau berbincang mengenai produk Peat Organic.



**Tanah Gambut Peatgro**

- **Alamat ibu pejabat**  
No 1-2, Jalan 2/14 Dataran  
Templer Bandar Baru  
Selayang, 68100 Batu  
Caves, Selangor
- **Pusat operasi**  
PT 610, Berjuntai Bestari,  
456000 Batang Berjuntai,  
Selangor

dapat berkembang bukan saja di Malaysia, tetapi juga seluruh dunia.  
Zulkufli turut berterima kasih kepada bekas bosnya yang juga pemilik asal Peat Tech, yang membenarkan beliau mengambil alih perniagaan pemprosesan tanah gambut berkenaan.  
Beliau turut menubuhkan Suria Insan (M) Sdn Bhd yang terbabit dalam pelbagai bidang perniagaan terma-

suk penyelenggaraan, hias taman, kejuruteraan awam dan hartanah.  
Syarikat itu ditubuhkan bersama dua lagi sahabat yang sama tinggal dengan beliau ketika bujang iaitu Suhairi Hamdan dan Md Akhir Abu Hassan.  
Hasrat Zulkufli mahu membawa jenama Peatgro ke peringkat dunia dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang.



...an 1/3 Peatgro dengan  
sebarang jenis tanah.  
Bebas dari benih tanaman,  
pathogen & penyakit!

Bijak membeli,  
jimat belanja,  
bijak...bijak!

**CAMPURAN JOHN INNES 3:2:1**  
Guna TERUS DARI BEG  
Tanpa Perlu Dicampur  
Dengan Tanah Lain

Bijak membeli,  
jimat belanja,  
bijak...bijak!

... tanah terbaik yang sesuai  
untuk semua jenis tanaman  
100% bahan organik lumbuan,  
ringan dan mudah digunakan.  
Campurkan 1/3 Peatgro dengan  
sebarang jenis tanah.  
Bebas dari benih tanaman,  
pathogen & penyakit!

**CAMPURAN JOHN INNES**  
Guna TERUS DARI BEG  
Tanpa Perlu Dicampur  
Dengan Tanah Lain

ILKUFLLI menunjukkan tanah Peat Organic, yang sesuai untuk penanaman sekala-besarnya.